

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)68

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

68. Bola Sepak Pulau Pinang terutamanya Penang FC (PFC) pernah menduduki tangga ketiga pada tahun 2021. Namun, prestasi pasukan ini amat mengecewakan pada musim ini. Adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan penglibatan seterusnya pada musim yang akan datang?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

68. Pada tahun 2021, Penang FC (PFC) pernah menduduki tangga ke-3 tahun tersebut tetapi keputusan terkini bagi PFC adalah di tangga ke-11. Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada prestasi yang tidak konsisten, ini termasuk beberapa pemain-pemain terlatih PFC yang telah bertukar ke pasukan/kelab lain berikutan tawaran yang lebih baik berbanding PFC.

Sebagai langkah untuk menaikkan prestasi PFC, pemain-pemain yang berkaliber atas nasihat Pengarah Teknikal telah dimasukkan

dalam kelab serta pengenalan Ketua Jurulatih yang baharu, Wan Rohaimi Wan Ismail yang mula bertugas pada 14 November 2024.

Kerajaan Negeri akan terus memantau situasi penganjuran liga berikutan dengan keadaan yang mencabar yang dihadapi oleh kelab-kelab lain sebelum membuat keputusan penglibatan pada musim yang akan datang.